

**Pakatan abai rayuan pertikaian pilihan raya, pilih reformasi, kata ahli Parlimen
Malaysian Insider
Feb 28, 2014
OLEH V ANBALAGAN**

Kegagalan memenangi petisyen Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) yang difailkan di mahkamah, Pakatan Rakyat (PR) mempunyai pertaruhan lebih baik bagi memenangi lebih banyak kerusi Parlimen dan negeri dalam pilihan raya akan datang dengan mendesak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk melaksanakan reformasi pilihan raya dan menjalankan persempadanan pilihan raya secara adil, kata peguam bagi tiga parti pembangkang itu.

Mereka mengatakan cubaan mendapatkan keadilan undang-undang dalam petisyen adalah kerja sia-sia, berdasarkan keputusan daripada pendengaran di mahkamah.

Para peguam kanan, yang juga ahli Parlimen berkata, PR perlu memastikan SPR mengendalikan pilihan raya yang adil dan bebas bagi pihak pembangkang dan calon bebas terhadap calon Barisan Nasional (BN).

Apa yang lebih utama, mereka berkata kempen kesedaran yang padu perlu dilancarkan untuk mendidik orang ramai bahawa pilihan raya mesti dimenangi melalui peti undi dan bukan membawanya ke mahkamah disebabkan amalan penipuan dan rasuah.

Sebanyak 58 petisyen difailkan di Semenanjung dan 11 di Sabah dan Sarawak selepas PRU13. Namun, hanya satu didengar kerana merit, tetapi ia akhirnya ditolak.

Respon mereka adalah disebabkan penolakan petisyen mahkamah pilihan raya oleh PAS dan PKR walaupun Mahkamah Persekutuan meremit kes yang melibatkan Bagan Datoh, Tapah, Ketereh, Machang dan Lubuk Merbau ke Mahkamah Pilihan Raya untuk pendengaran kes dengan memanggil para saksi.

Peguam R Sivarasa (gambar) berpendapat, tindakan memfailkan petisyen selepas pilihan raya umum adalah satu pembaziran masa dan wang.

"Para calon atau pengundi yang memfailkan petisyen dikenakan kos yang besar dan ini dilihat sebagai hukuman dikenakan oleh mahkamah,"kata Sivarasa yang juga ahli biro politik PKR kepada The Malaysian Insider.

Ahli Parlimen Subang itu berkata, PKR berjaya mengumpulkan kira-kira RM1.5 juta sebagai kos bagi dibayar kepada calon BN dan SPR.

Sivarasa berkata, secara purata mahkamah pilihan raya mengenakan kos sebanyak RM80, 000 selepas mendengar bantahan awal berbanding kes sivil biasa yang berjumlah antara RM5,000 dan RM10, 000 sahaja.

Peguam itu juga khuatir orang ramai akan mengambil tindakan lebih radikal pada masa hadapan apabila menyedari bahawa akses kepada keadilan di mahkamah adalah mustahil.

"Apakah kekecewaan orang ramai ke atas keputusan pilihan raya bakal menyebabkan mereka memilih tindakan menyalahi undang-undang seperti demonstrasi jalanan?" katanya.

Beliau berkata, mesej itu adalah jelas dan PR serta pengatur strategi perlu mendesak SPR menjadi pengadil yang baik dalam penyediaan daftar pemilih dan proses pengundian.

Peguam veteran Karpal Singh, yang mewakili DAP dalam banyak petisyen pilihan raya sejak 35 tahun lalu berkata, mahkamah bertindak perlahan bagi keputusan berkenaan pengundian pada hari mengundi.

"Inilah yang biasa terjadi di kebanyakan negara dan badan kehakiman enggan campur tangan kecuali dalam keadaan luar biasa," katanya.

Pengerusi kebangsaan DAP dan ahli Parlimen Bukit Gelugor itu berkata, banyak petisyen difailkan kali ini kerana keputusan pilihan raya di banyak kawasan pilihan raya adalah tipis dan terdapat banyak tuduhan dilemparkan terhadap SPR dan BN.

Pada PRU13, BN dinafikan majoriti dua pertiga untuk kali kedua. BN yang dipimpin Datuk Seri Najib Razak berjaya memenangi hanya 133 kerusi Parlimen, turun tujuh kerusi berbanding 2008.

PR (PAS, PKR dan DAP) memenangi 89 kerusi dan juga memperoleh 53% daripada undi popular.

Karpal berkata pembangkang boleh menggunakan kekuatan baru di Parlimen untuk memastikan tiada amalan pengarisan semula kawasan pilihan raya secara tidak adil oleh SPR dalam persempadanan akan datang yang cenderung ke arah BN.

"Jumlah kerusi tidak boleh ditambah tanpa sokongan pembangkang," katanya.

Peguam PAS, Mohamed Hanipa Maidin (gambar) berkata, terdapat persepsi di minda masyarakat bahawa tindakan melalui saluran undang-undang adalah usaha sia-sia tetapi pembaharuan pilihan raya oleh beberapa pertubuhan seperti Bersih berjaya menerapkan kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai kepentingan pilihan raya yang bebas dan adil.

"Bersih pernah menjalankan Tribunal Orang Ramai dengan memanggil pakar-pakar pilihan raya dan saksi untuk memberi keterangan mengenai dakwaan penyelewengan dan penipuan. Laporan mereka akan dikeluarkan tidak lama lagi yang menunjukkan kekurangan dan penambahbaikan perlu dilaksanakan oleh SPR," kata ahli Parlimen Sepang itu.

Beliau berkata, PR dan ahli mereka kini berada pada kedudukan lebih baik untuk mendekati pengundi bagi melaksanakan hak-hak demokratik dan ini termasuk menyuarakan bantahan jika tidak berpuas hati ke atas amalan persempadanan kawasan pilihan raya.

Hanipa berkata, semua yang inginkan pilihan raya adil dan bersih juga mesti berusaha memastikan daftar pemilih telus dan hanya pengundi yang layak diberi hak menjadi pengundi awal.

"Kajian Merdeka Centre mendedahkan pengundi awal memberi perbezaan dalam pilihan raya lepas dan faktor Pakatan untuk menambah lebih banyak kerusi," katanya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-abai-rayuan-pertikaian-pilihan-raya-pilih-reformasi-kata-ahli-parli>